

# **MEMAHAMI SITUASI *AL-NUZUL* DALAM KONTEKS *AL-TAFSIR* *AL-HARAKI AL-QUR'AN*: SATU TINJAUAN TERHADAP SURAH AL-FATH**

Oleh  
Zulkifli bin Hj. Mohd. Yusoff

## **Abstract**

*This article deals with one of the important aspects at the handing down of the al-Qur'an. The aspect dealt with is da'wah. It discusses the atmosphere of al-Nuzul in the understanding of the al-Qur'an. Any relationship between da'wah and al-Qur'an will have no meaning without taking into account this aspect. Therefore, this article will try to examine in detail this aspect by using surah al-Fath as a model.*

## **Pendahuluan**

Memahami situasi *al-nuzul* amat penting kalau seseorang itu ingin mentafsirkan al-Qur'an atau mengaitkan tafsiran sesuatu ayat al-Qur'an kepada persoalan dakwah. Ini kerana situasi *al-Nuzul* atau di dalam Bahasa Arabnya disebut sebagai *Jaw al-Nuzul* amat penting dalam menyingskap segala peristiwa yang berlaku di persekitaran turunnya sesuatu ayat al-Qur'an.

Di samping untuk perlaksanaan syariat, al-Qur'an juga diturunkan untuk tujuan dakwah dan *tarbiyah* ummat Muhammad s.a.w. Dakwah yang dimaksudkan ialah dalam erti kata menyeru manusia agar mengabdikan diri kepada Allah s.w.t mengikut landasan al-Qur'an. Sementara *tarbiyah* pula ialah dalam erti mendidik generasi awal dakwah dengan suatu didikan Ilahi berdasarkan al-Qur'an.

Memandangkan dakwah dan *tarbiyah* merupakan dua unsur yang berpanjangan seiring dan sejalan dengan perkembangan ummat manusia dan kewajipan melaksanakan penyebaran Islam, maka kedua unsur tadi akan terus berkekalan sekalipun generasi terus bertukar ganti. Kerana yang bertukar hanyalah generasi dan pelakon-pelakon yang mewakili generasi itu sahaja, tetapi watak yang dibawa adalah hampir bersamaan di setiap generasi.

Boleh jadi berlaku sedikit kesamaran dalam membezakan antara situasi *al-Nuzul* dan *Asbab al-Nuzul*. *Asbab al-Nuzul* bermaksud latar belakang sejarah yang menyebabkan sesuatu ayat atau surah itu diturunkan. Manakala situasi *al-Nuzul* bermakna suatu kajian mengenai persekitaran semasa ayat-ayat al-Qur'an dan surah-surahnya diturunkan, di mana *Asbab al-Nuzul* adalah sebahagian darinya. Pengetahuan mengenai *Asbab al-Nuzul* banyak membantu ke arah pemahaman mengenai situasi *al-Nuzul*.

Dalam penulisan ini satu surah menjadi pilihan bagi menjelaskan kepentingan memahami situasi *al-Nuzul* dalam konteks huraianya dari sudut *al-haraki*. Surah yang dimaksudkan itu ialah Surah al-Fath.


### Sorotan Terhadap Situasi *al-Nuzul* Surah Al-Fath

Surah al-Fath diturunkan sewaktu Baginda Rasulullah s.a.w. beredar untuk kembali ke Madinah dari Medan Hudaibiyah.<sup>1</sup> Peristiwa ini berlaku

<sup>1</sup>Menurut al-Wahidi, surah ini diturunkan antara Mekah dan Madinah mengenai urusan Hudaibiyah. Begitu juga yang ditulis oleh al-Suyuti. Lihat al-Wahidi, 'Ali ibn Muhammad, *Asbab al-Nuzul*, Takhrij Mustafa Dib al-Bugha, (Dr.), Dar ibn Kathir, Damsyik, 1988 M,

pada bulan Zulkaedah tahun ke 6 Hijrah<sup>2</sup> ekoran sekatan yang dilakukan oleh orang-orang Musyrikin terhadap Baginda s.a.w dan kaum Muslimin yang ikut serta bersamanya dari menunaikan umrah pada tahun tersebut. Di mana peristiwa ini berakhir dengan satu perjanjian yang dikenali sebagai Perjanjian Hudaibiyah. Sebaik sahaja termetri perjanjian, sebelum berangkat pulang ke Madinah Baginda memerintahkan para sahabatnya menyembelih binatang korban yang memang dibawa bersama untuk upacara penyembelihan selepas umrah. Dalam perjalanan pulang inilah Allah s.w.t menurunkan surah ini.<sup>3</sup>

Imam al-Bukhari menyebut sewaktu surah ini diturunkan, Baginda s.a.w sedang dalam perjalanan pulang dengan ditemani oleh Sayyidina Umar r.a. di sebelahnya.<sup>4</sup> Sabda Baginda s.a.w.: “*Sesungguhnya malam tadi telah diturunkan kepadaku suatu surah yang tidak dapat aku gambarkan kesukaanku itu lebih daripada matahari terbit dengan sinarnya*”. Lalu baginda pun membacakan mukaddimah surah iaitu:



al-Fath (48):1

Kalau dirujuk ke belakang, kita akan dapati peristiwa yang membawa kepada Perjanjian Hudaibiyah dan turunnya Surah al-Fath ini, adalah berpunca dari mimpi Baginda s.a.w memasuki Masjid al-Haram

h. 314-315. Al-Suyuti, ‘Abd al-Rahman ibn Abi Bakr, *Lubab al-Nuqul fi Asbab al-Nuzul*, Dar Ihya’ al-‘Ulum, Beirut, 1983 M, h. 193.

<sup>2</sup>Ibn Kathir, Isma‘il ibn Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, 1989 M, Jld. 2, juz. 4, h. 166. Ibn Hisyam, ‘Abd al-Malik, *al-Sirah al-Nabawiyah*, Jld. 3, Maktabah al-Manar, Jordan, 1988 M. h. 426 dan 444.

<sup>3</sup>Ibn Kathir, Isma‘il ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Juz. 4, Dar al-Ma‘rifah, Beirut, 1989 M, h. 196.

<sup>4</sup>Al-Bukhari, Muhammad ibn Isma‘il, *Sahih al-Bukhari bi Syarh Fath al-Bari*, Jld. 8, Juz. 8, Dar al-Fikr, 1379 H, Kitab 65, Hadith no. 4833, h. 582-583.

berserta para sahabatnya. Baginda diberi mimpi memasukinya dalam keadaan aman sentosa dan bercukur kepala tanda selesai umrah. Lantaran mimpinya itu Baginda s.a.w pun memberitahu para sahabatnya. Hampir keseluruhan para sahabat yang rindukan Mekah memahami bahawa ini merupakan bayangan kepada keharusan memasuki Kota Mekah. Titik tolak ini membawa kepada gesaan Nabi terhadap para sahabatnya agar mempersiapkan diri untuk keluar ke Kota Mekah bagi menunaikan umrah. Mereka sama sekali tidak mempunyai niat memerangi orang-orang kafir Quraisy yang sedang berkubu di Mekah.

Sedangkan orang-orang kafir Musyrikin sejak dari berlakunya peristiwa Hijrah Baginda s.a.w dan para sahabatnya telah bertindak menghalangi orang-orang Islam dari memasuki Kota Mekah sekalipun pada bulan-bulan yang dikenali sebagai *al-Syahr al-Haram*. Kalau dahulu mereka cukup menghormati bulan-bulan yang diharamkan berperang itu.<sup>5</sup> Seluruh masyarakat Arab Jahiliyah amat menghormati dan sepakat mengiktirafnya sebagai bulan gencatan senjata dan menganggap sebarang pertempuran yang berlaku di dalam bulan tersebut sebagai suatu jenayah besar. Bulan-bulan tersebut dianggap sebagai bulan damai dan dalam tempoh itu puak-puak yang bersengketa dapat melakukan tawaf di Masjid al-Haram dengan aman.

Tetapi apabila berdepan dengan Islam mereka lupa segala-galanya. Mereka lupa dari berpegang kepada kepercayaan datuk nenek mereka. Kini mereka menolak adat resam mereka sendiri lantaran permusuhan mereka dengan Islam. Sejak lebih dari enam tahun selepas hijrah mereka menghalang orang-orang Islam dari mendekati Masjid al-Haram termasuklah tahun ke 6 selepas hijrah, iaitu tahun di mana Baginda Rasulullah s.a.w. diberikan mimpi memasuki Masjid al-Haram.<sup>6</sup>

---

<sup>5</sup>Bulan-bulan itu ialah Zulkaedah, Zulhijjah, Muharram dan Rejab.

<sup>6</sup>Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*, Jld. 6, Juz. 26, Dar al-Syuruq, Beirut, 1986 M, h. 3306-3307.

Selepas membuat sedikit persiapan, Baginda Rasulullah s.a.w pun keluar dalam keadaan berpakaian ihram bersama orang-orang Muhajirin dan Ansar menuju ke Mekah. Antara yang turut dibawa ialah binatang korban. Ini semua bertujuan menunjukkan kepada musuh-musuh mereka yang terdiri daripada orang-orang kafir Quraisy dan orang-orang Arab yang mendiami persekitaran Mekah yang telah memusuhi mereka sejak sekian lama, bahawa tujuan sebenar mereka keluar dari Kota Madinah menuju ke Mekah bukan untuk berperang tetapi untuk menunaikan umrah dan menziarahi Baitullah.<sup>7</sup>

Rombongan ini juga tidak membawa apa-apa senjata melainkan senjata yang dibawa oleh orang-orang musafir biasa iaitu dengan berbekalkan sebilah pedang yang bersarung sebagai dalil yang nyata bahawa mereka tidak ingin melainkan kedamaian. Apabila sampai di Zu al-Hulaifah baginda menyuruh para sahabatnya memakai pakaian ihram.

Kemudian setibanya mereka di suatu tempat yang bernama ‘Asfan, baginda didatangi oleh Basyar ibn Sufyan al-Ka’bi sambil berkata:

*Wahai utusan Allah, orang-orang Quraisy telah pun mengetahui ketibaan rombongan tuan, mereka keluar menyambut kedatangan tuan dengan pakaian kulit harimau.<sup>8</sup> Mereka telah berjanji setia sesama mereka dengan tidak membenarkan tuan masuk sama sekali!<sup>9</sup>*

Lalu disahut oleh Baginda:

---

<sup>7</sup>Ibn Hisyam, *op.cit.* h. 427. Lihat sama Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, *op.cit.* h. 205. Lihat juga Ibn Hanbal, Ahmad ibn Muhammad, *Al-Musnad*, Juz. 6, Dar al-Fikr, Beirut, 1991 M, hadith no. 18932, h. 487.

<sup>8</sup>ia bermaksud suatu gambaran dan persiapan menghadapi perperangan.

<sup>9</sup>Ibn Hisyam, *op.cit.*

*Binasalah Quraisy, nampaknya mereka telah dihasut oleh peperangan...<sup>10</sup>*

Apabila rombongan Baginda tiba di Hudaibiyah, dan sedang mengambil rehat selepas penat berjalan, beberapa orang lelaki selaku utusan dari Qabilah Khuza'ah datang menemui Baginda bertanyakan sebab-sebab kedatangan Baginda ke Mekah. Lalu Nabi s.a.w menyatakan tujuan kedatangan beliau ialah untuk menziarahi Baitullah dan melakukan umrah. Dengan penjelasan itu mereka pulang lalu bertemu dengan orang-orang Quraisy. Kata mereka:

*Sesungguhnya kamu sekalian amat gopoh, Muhammad datang bukan untuk berperang tetapi untuk menziarahi Rumah Allah.<sup>11</sup>*

Sahut orang-orang Quraisy:

*Sekalipun Muhammad datang bukan untuk berperang, tetapi demi Allah kita tidak akan benarkan mereka masuk begitu sahaja. Manakan boleh maruah kita tercemar di kalangan orang-orang Arab.<sup>12</sup>*

Tidak lama selepas itu, orang-orang Quraisy mengutuskan ‘Urwah ibn Mas‘ud al-Thaqafi bertemu dengan Rasulullah s.a.w. untuk menyatakan pendirian mereka itu. Dalam sessi perundingan itu ‘Urwah terpegun melihat suatu sikap yang tidak ada di dalam masyarakat beliau. Di mana beliau melihat penghormatan yang diberikan oleh para sahabat kepada Rasulullah dan kesopanan mereka dengan pemimpin mereka tiada taranya.<sup>13</sup>

---

<sup>10</sup>Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, *op.cit.*, Ibn Hanbal, *op.cit.*

<sup>11</sup>Ibn Hisyam, *op.cit.*, Jld. 3, h. 432.

<sup>12</sup>Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, *op.cit.*, Jld. 4, h. 206.

<sup>13</sup>Al-Siba'ie, Mustafa, *al-Sirah al-Nabawiyah*, al-Maktab al-Islamiyy, Beirut, h. 94.

Hasil perbincangan dengan Nabi itu membawa satu kesimpulan yang cukup baik, sehingga ‘Urwah sendiri yakin bahawa Muhammad memang tidak mempunyai hasrat untuk berperang malah berminat untuk mencari penyelesaian secara damai. ‘Urwah pulang dan menceritakan perkara ini kepada kaumnya, tetapi orang-orang kafir Quraisy tetap enggan menerima penjelasannya itu, sekalipun mereka sendiri yang telah mengutuskan ‘Urwah itu.

Dalam situasi yang cukup genting ini, orang-orang Quraisy telah mengupah pemuda-pemuda jahat untuk melakukan kekacauan. Walaupun bilangan mereka sekitar 40 hingga 50 orang, namun ianya sudah cukup menjadikan suasana lebih hingar bingar lagi. Pemuda-pemuda jahat ini telah mengepung perkumpulan sahabat Nabi dan mengacau mereka dengan harapan mereka menerima reaksi balas. Para sahabat Nabi tidak pun mengambil apa-apa tindak balas melainkan menangkap mereka. Orang-orang yang ditangkap ini tidak pula diapa-apakan malah dibawa mengadap Rasulullah. Nabi juga tidak mengambil apa-apa tindak balas, bahkan membebaskan mereka dengan baik sekalipun mereka telah melakukan perbuatan buruk dengan melontar batu bata dan panahan-panahan liar ke atas perkumpulan sahabat itu tadi.<sup>14</sup>

Tidak lama selepas membebaskan mereka, Rasulullah s.a.w memanggil Sayyidina Umar datang mengadap dengan tujuan mengutuskannya ke Mekah bertemu dengan pemuka-pemuka Quraisy dan menjelaskan hasrat kedatangan baginda. Jawab Saydina Umar:

*Wahai Rasulullah saya bimbang kalau tuan mengutuskan saya bertemu dengan orang-orang Quraisy akan menyebabkan gagalnya misi penghantaran ini. Saya bimbang kalau-kalau berlaku sesuatu yang tidak diingini ke atas orang-orang Quraisy. Tidak ada di Mekah dari kalangan Bani 'Adiy orang yang boleh menghalang apa*

---

<sup>14</sup>Ibn Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, op. cit., Jld. 2, Juz. 4, h. 169.

*yang saya kehendaki. Orang-orang Quraisy juga memang telah mengetahui permusuhanku dengan mereka amat tebal. Namun begitu saya tunjukkan tuan seorang lelaki yang jauh lebih baik dariku dan dikira boleh menjayakan missi ini. Orang itu ialah Uthman ibn Affan.<sup>15</sup>*

Sebagai mengambil kira cadangan ini Rasulullah s.a.w pun mengutuskan Uthman ibn Affan bertolak ke Kota Mekah bertemu dan berunding dengan pemuka-pemuka Quraisy di samping menyatakan sekali lagi hasrat sebenar kedatangan Baginda s.a.w dan rombongannya. Tetapi sesuatu di luar dugaan telah berlaku di mana Uthman telah tidak pulang mengikut tempoh yang dijangkakan. Dalam suasana penantian ini, tiba-tiba terdengar berita yang menggemparkan. Sayyidina Uthman telah ditangkap dan dibunuhi. Sebaik sahaja tersebarnya tiba perkhabaran ini, Rasulullah s.a.w telah mula untuk bertindak balas lalu beliau bersabda: "Kita tidak akan menunggu sehingga esok untuk menyelesaikan urusan dengan kaum ini".<sup>16</sup>

Kemudian Baginda telah mengambil tindakan yang lebih tegas iaitu dengan menghimpunkan kaum muslimin untuk berbaiah. Baiah ini ialah baiah jihad dan janji setia untuk syahid di jalan Allah. Kesemua mereka telah berbaiah. Perkara ini dinukilkhan Tuhan di dalam firman-Nya:

لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يَأْتِيُونَكُمْ تَحْتَ  
الشَّجَرَةِ.

*Sesungguhnya Allah telah meredai orang-orang mukmin yang telah memberikan baiah mereka kepadamu di bawah suatu pohon....*

al-Fath(48):18

<sup>15</sup> *Ibid.*

<sup>16</sup> *Ibid.*

Orang-orang kafir Quraisy yang selama ini mempermain dan melengah-lengahkan urusan mereka dengan Nabi telah mula kecut perut apabila mengetahui orang-orang Islam telah memberikan baiah untuk sanggup mati mempertahankan penghormatan dan menebus kematian Uthman. Pada masa ini barulah mereka mula berlembut dan memikirkan jalan penyelesaian secara damai. Meskipun mereka inginkan penyelesaian namun mereka masih tidak mahu berganjak dari tidak membenarkan Baginda dan rombongan masuk mengerjakan umrah. Mereka mahu rombongan Rasulullah s.a.w pulang tahun ini dan datang pada tahun akan datang.

Bagi tujuan itu orang-orang Quraisy telah menghantar Suhail ibn Amru bertemu dengan Rasulullah s.a.w. Penghantaran Suhail ini adalah dengan tujuan memetrikan perjanjian mengikut selera mereka.<sup>17</sup>

Suasana tegang itu tadi menjadi reda sedikit apabila sampai berita Sayyidina Uthman tidak dibunuh dan beliau masih hidup. Rupanya berita yang terdahulu itu adalah khabar angin sahaja.

Sewaktu proses rundingan sedang berlaku tiba-tiba terdapat suatu perkara yang amat memerlukan para sahabat seluruhnya. Mereka mendapati Rasulullah s.a.w akur dengan semua kehendak orang-orang kafir musyrikin. Antara yang mereka lihat ialah Nabi bersetuju untuk gencatan senjata selama 10 tahun dan bersetuju bahawa sesiapa yang datang dari pihak Islam menuju ke Mekah dalam tempoh tersebut tidak akan dikembalikan. Sementara orang-orang yang lari dari Mekah menuju ke Madinah pula hendaklah dipulangkan kepada mereka.<sup>18</sup>

Apabila rundingan telah tamat dan Rasulullah s.a.w. telah bersetuju satu persatu dengan syarat-syarat yang dibawa oleh mereka itu, maka di

---

<sup>17</sup>Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-Azim*, *op.cit.*, juz. 4, h. 211. Lihat sama Ibn Hisyam, *op.cit.*, Jld. 3, h. 440-441.

<sup>18</sup>*Ibid.*

waktu isi perjanjian akan ditulis, Umar al-Khattab melenting serta menghampiri Abu Bakar. Kata beliau kepada Abu Bakar:

*Wahai Abu Bakar, bukankah Muhammad itu Rasulullah?  
Bukankah kita ini orang-orang Islam? Bukankah mereka itu  
orang-orang kafir?.*

Jawab Abu Bakar:

*Ya, memang benar kata tuan itu.*

Kata Umar:

*Dari itu mengapakah kita berikan kehinaan pada agama kita  
dengan mengikut kehendak mereka?.*

Jawab Abu Bakar selanjutnya:

*Wahai Umar patuhilah keputusannya. Demi sesungguhnya  
aku naik saksi bahawa Muhammad itu adalah Pesuruh  
Allah.*

Kata Umar:

*Saya pun naik saksi seperti tuan juga.*

Lantaran tidak puashati dengan jawapan yang diberikan oleh Abu Bakar tadi, Umar pun mendatangi Rasulullah s.a.w. lalu mengulangi soalan yang serupa:

*Wahai Rasulullah bukankah kita ini muslimin dan mereka itu  
musyrikin?.*

Jawab baginda: "Ya". Kata Umar: "Kalau begitu mengapakah kita menundukkan agama kita kepada mereka?". Jawab Baginda: "Aku ini

Firman-Nya lagi:

وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلَيْهِمَا ۝

*Dan adalah Allah itu amat Mengetahui segala sesuatu.*

al-Fath: (48):26

Lantaran itu kita yakin dan percaya bahawa surah ini yang diturunkan di dalam suasana yang sebegitu rupa adalah amat bertepatan sekali dengan perancangan Tuhan yang ingin mentarbiyahkan para sahabat Nabi itu. Dengan itu juga kita beranggapan bahawa insiden yang berlaku adalah sengaja disusun Tuhan bagi meletakkan batu asas *tarbiyah* dan memantapkannya ke dalam jiwa mereka sebagai persiapan menakluki Kota Mekah.

2. Dengan insiden yang disusun begitu rupa Allah ingin perlihatkan perbezaan ketara antara wahyu kenabian dan perancangan manusia selaku pakar perancang strategi. Memang Allah telah menentukan ketentuan menolong dan memenangkan kenabian Nabi Muhammad s.a.w di hadapan perancangan pakar perancang strategi bagi pihak kafir Quraisy. Memenangkan kenabian nabi-Nya di hadapan mata musuh-musuh mereka sendiri.

Boleh jadi inilah yang ingin ditafsirkan oleh Dr. Muhammad Said Ramadan al-Buti semasa beliau memetik firman Allah:

وَنَصَرَكَ اللَّهُ نَصْرًا عَظِيمًا ۝

*Dan Allah telah memenangkan kamu dengan kemenangan besar”.*

al-Fath: (48):3

“Yakni kemenangan yang unik di luar bacaan fikiran manusia biasa.”<sup>24</sup>

<sup>24</sup> Al-Buti, Muhammad Said Ramadan (Dr), *Fiqh al-Sirah*, Dar al-Fikr, t.t. 1980, h. 321.

3. Surah al-Fath diturunkan bertujuan merawati kedukacitaan dan kesedihan orang-orang Islam. Faktor-faktor yang membawa kepada kedukaan banyak. Ia agak ketara dari beberapa sudut sama ada dari segi memberi persetujuan terhadap syarat-syarat yang dikemukakan oleh golongan musyrikin mahupun sikap ambil mudah Nabi terhadap perkara-perkara yang pada tanggapan mereka tidak sepatutnya begitu ataupun insiden Abu Jandal yang ditampar oleh ayahnya. Sikap berlembut yang ditunjukkan oleh Nabi tidak pada perkara yang patut berlembut ini, cukup menyeksakan batin mereka.

Kita diperlihatkan bagaimana Sayyidina Umar dan kaum Muslimin yang lain berasa resah dengan suasana yang melengkari mereka pada waktu itu. Begitu juga apa yang berlaku ke atas Abu Jandal ibn Suhail ibn Amru lebih memanaskan lagi suasana yang sedia hangat itu. Bagaimana tidak, sedang dia mlarikan diri dari musyrikin, meminta bantuan dalam keadaan tangan masih terikat, tiba-tiba dipulangkan semula oleh Nabi kepada kaumnya yang musyrik. Begitu juga tindakan-tindakan nakal yang dilakukan oleh pemuda-pemuda jahat dengan membalingkan batu ke arah perkhemahan kaum Muslimin dengan harapan mereka akan diserang balas lantas akan menghidupkan api peperangan. Tiba-tiba Nabi menyuruh orang-orang Mukmin bertenang dan menghalang mereka dari mengambil tindakan balas. Situasi ini pernah disebutkan Allah di dalam firman-Nya yang berbunyi:

إِذْ جَعَلَ اللَّهُ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْحَمِيمَةَ حَمِيمَةَ الْجَاهِلِيَّةِ  
فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَى رَسُولِهِ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ  
وَالْزَّمَهُ كَلِمَةَ النَّقْوَى وَكَانُوا أَحَقُّ بِهَا وَأَهْلَهَا وَكَانَ  
اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿١١﴾

*Ketika orang-orang kafir menanamkan dalam hati mereka kesombongan, (iaitu) kesombongan jahiliyah, lalu Allah menurunkan ketenangan kepada Rasul-Nya dan kepada*

*orang-orang mukmin dan Allah melazimkan kepada mereka kalimah taqwa dan adalah mereka berhak dengan kalimah taqwa itu dan patut pula memilikinya. Dan adalah Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.*

al-Fath: (48):26

Dalam menangani isu ini hati orang-orang Mukmin dilanda oleh berbagai-bagai perasaan. Ada yang sedang menanti-nanti bilakah terbuktinya kebenaran mimpi Rasulullah s.a.w memasuki Masjid al-Haram itu. Dalam suasana penantian itu tiba-tiba mereka dikejutkan oleh berita bahawa mereka dikehendaki pulang dan tidak dibenarkan memasuki Mekah. Mereka dikehendaki pulang ke Madinah sedang mereka telah berpakaian dengan pakaian Ihram dan membawa binatang korban bersama mereka. Ini semua menurut Sayyid Qutb bukanlah satu perkara yang mudah diterima dengan begitu sahaja.<sup>25</sup>

Ada pula yang tidak sabar melihat kerena orang-orang kafir ini lalu membuat persiapan untuk berperang dengan mereka khususnya selepas baiah. Tiba-tiba ia tidak berlaku seperti diduga. Sebaliknya berakhir dengan perdamaian. Ketegangan yang sedang memuncak ini berakhir secara tiba-tiba. Untuk menurunkan graf yang sedang memuncak itu bukanlah suatu perkara yang mudah. Barangkali inilah yang menyebabkan mereka lambat memberi reaksi terhadap perintah tahallul sekalipun Nabi telah mengulangi arahan itu sebanyak tiga kali. Sedangkan kalau hendak dikira, mereka ini memang dikenali sebagai golongan yang paling mudah menyahut seruan Rasul. Mereka tidak berupaya bangkit menunaikan perintah itu hinggaalah Baginda s.a.w sendiri melakukannya terlebih dahulu.

Sebelum ini mereka keluar dari Madinah dengan niat mengerjakan umrah. Sama sekali tidak terlintas di benak mereka bahawa mereka akan berperang. Dalam keadaan tanpa persiapan untuk berperang ini, tiba-tiba mereka dikejutkan oleh pendirian masyarakat Quraisy yang enggan

---

<sup>25</sup>Sayyid Qutb, *op.cit.* Jld. 6, Juz. 26, h. 3318.

membenarkan mereka masuk. Sudahlah begitu, mereka dikejutkan pula dengan berita pembunuhan Sayyidina Uthman. Setelah mereka dan Nabi sama-sama bertekad untuk bertindak balas meskipun dengan persiapan yang serba tidak cukup, tiba-tiba tekad untuk bertindak balas dikejutkan dengan persetujuan Nabi untuk berdamai dengan mereka sekalipun baubah telah diambil dari para sahabat. Hati mana yang tidak rawan melihat peristiwa yang silih berganti itu?

Tetapi semua kepayahan itu menjadi mudah dan kesedihan bertukar menjadi kegembiraan bilamana Nabi s.a.w membacakan kepada mereka ayat di dalam surah ini yang jelas penurunannya adalah ekoran dari peristiwa Perdamaian Hudaibiyah. Dengan turunnya surah ini, Allah menyatakan bahawa Dia menurunkan bersamanya ketenangan agar iman mereka makin bertambah. Sebagaimana juga Dia menurunkan khabar gembira dengan pengampunan dan pahala. Firman-Nya yang berbunyi:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ لِيزْدَادُوا إِيمَانَهُمْ  
إِيمَانَهُمْ وَلَلَّهُ جُنُودُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَكَانَ اللَّهُ عَلَيْهِ  
حِكْمَةٌ

*Dialah yang telah menurunkan ketenangan ke dalam hati orang-orang mukmin supaya keimanan mereka bertambah di samping keimanan mereka (yang telah ada). Dan kepunyaan Allahlah tentera langit dan bumi dan adalah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.*

al-Fath: (48):4

Setiap kali pembaca merujukkan ayat ini kepada peristiwa-peristiwa yang melengkari penurunan ayat ini, maka setiap kalilah pula pembaca akan dapat menghayati kebenaran firman Allah itu dan merasai betapa berharganya sebuah ketenangan.<sup>26</sup>

<sup>26</sup> *Ibid.*

4. Persekutaran yang melengkari penurunan surah, benar-benar menunjukkan bahawa golongan kafir musyrikin akan membelakangkan seluruh pertimbangan akal apabila mereka bertembung dengan Islam. Kalau dengan orang lain mereka boleh bertolak ansur atas dasar adat istiadat atau warisan lama tetapi dengan Islam tidak begitu. Tabiat jahiliah mereka ini tetap sama pada setiap zaman dan ketika.

Kalau diperhatikan, orang-orang kafir musyrikin telah menghalang orang-orang Islam dari memasuki Kota Mekah adalah jatuh pada salah satu bulan yang diharamkan berperang. Di mana bulan Zulkaedah, Zulhijjah, Muhamarram dan Rejab adalah nama-nama bulan yang dihormati oleh mereka dan nenek moyang mereka. Di zaman jahiliah, mereka akan berhenti dari menjadi jahat semata-mata kerana tibanya bulan-bulan berkenaan. Tetapi apabila berhadapan dengan Islam mereka lupa segala-galanya.

Bahkan kalau nak dikira dalam tempoh rundingan yang sedang berlangsung itu pun masih ada perkara-perkara yang tidak patut mereka buat tetapi mereka masih lakukan ke atas orang-orang Islam. Utusan kafir musyrikin datang dan pergi tanpa apa-apa gangguan, tetapi utusan orang-orang Islam diganggu malah sentiasa terdedah kepada malapetaka angkara perbuatan jahat mereka. Hampir-hampir Khurasy ibn Umayyah al-Khuza'ie dibunuh. Kalau tidak diselamatkan oleh al-Ahabisy sudah lama beliau dibunuh. Walaupun beliau terselamat namun untanya tidak terselamat.<sup>27</sup> Sedangkan dalam undang-undang tradisi mereka, para utusan tidak boleh dibunuh. Kerana hilangnya pertimbangan menjadikan kafir musyrikin bertindak apa sahaja.

Sebelum mereka, pembesar-pembesar Quraisy yang lain juga telah hilang pertimbangan. Sedangkan kalau pertembungan antara Islam dengan mereka benar-benar berlaku, belum tentu mereka yang akan menang. Firman Allah:

---

<sup>27</sup>Ibn Hisyam, *op.cit.* Jld. 3, h. 436.

وَلَوْقَاتَكُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا الْأَذْبَرَ ثُمَّ لَا يَجِدُونَ وَلَيَا  
وَلَا نَصِيرًا ﴿٤٨﴾ سُنَّةَ اللَّهِ الَّتِي قَدْ خَلَّتْ مِنْ قَبْلِ وَلَنْ  
مَحَدِّلِ سُنَّةَ اللَّهِ بَدِيلًا

Dan sekiranya orang-orang kafir itu memerangi kamu, pastilah mereka yang akan berbalik melarikan diri ke belakang (kalah) kemudian mereka tiada perolehi pelindung dan tidak (pula) penolong. Itulah Sunnatullah yang telah berlaku sejak dahulu, kamu tidak sekali-kali menemui perubahan pada Sunnatullah itu.

al-Fath:(48): 21-22<sup>28</sup>

5. Memperjelaskan hubungkait antara rancangan memasuki Masjid al-Haram dan kegagalan memasuki Kota Mekah.

Faktor pendorong rancangan memasuki Kota Mekah ialah mimpi Rasulullah s.a.w. Di mana baginda diberi mimpi menziarahi Kaabah bersama orang-orang Islam.

Bagaimanakah boleh timbulnya rancangan menziarahi Masjid al-Haram sedangkan permusuhan antara mereka dengan orang-orang kafir Musyrikin masih panas?. Antara lain ialah bagi memberitahu mereka bahawa Masjid al-Haram itu bukanlah hak mutlak mereka. Ia adalah hak bersama dengan orang-orang Islam. Malah Nabi ingin memahamkan mereka bahawa Masjid al-Haram itu sebenarnya bukan layak dimiliki atau ditadbir oleh golongan yang menyekat orang lain dari menziarahinya. Ia adalah peninggalan nabi Ibrahim a.s.<sup>29</sup>

<sup>28</sup> Al-Ghazali, Muhammad, *Fiqh al-Sirah*, Dar al-Qalam, Damsyik, 1987, h. 328-329.

<sup>29</sup> *Ibid*, h. 322.

6. Surah ini diturunkan bagi membimbing Nabi s.a.w dan para sahabat kepada apa yang sepatutnya mereka lakukan terhadap golongan yang bertalam dua muka dan enggan keluar bersama Nabi s.a.w. Di dalam surah ini Tuhan membuka seluruh “loyar buruk” mereka itu di dalam ayat 11-16. Bimbingan ini datang tepat pada masanya iaitu sewaktu beredar dari medan Hudaibiyah dan sebelum mereka sampai ke Madinah. Agar dengan itu para sahabat mengetahui bagaimana seharusnya berinteraksi dengan orang-orang seperti ini.

Orang-orang Arab yang tinggal di sekitar Yathrib terutamanya golongan munafiq memang mengetahui bahawa orang-orang Mekah akan menghalangi Muhammad. Mereka tidak akan membenarkan dengan sebegini mudah Muhammad masuk mengerjakan umrah. Pendeknya mereka telah menjangkakan risiko yang akan diterima ialah perang atau gagal. Justeru, mengikut bacaan mereka, umrah ini adalah umrah yang bakal diselubungi oleh suasana yang menggerunkan. Kalau begitu baiklah mereka tidak campur tangan dari awal-awal lagi. Duduk di atas pagar dan lari dari mengambil risiko mengikut pandangan mereka adalah jalan terbaik.<sup>30</sup>

Takdirnya cita-cita Muhammad itu tercapai, meminta maaf darinya adalah lebih mudah berbanding dengan risiko yang bakal diterima akibat mengikuti rombongannya itu. Di sinilah hikmatnya mengapa Allah mendahulukan pemberitahuan tentang golongan ini sebelum mereka tiba ke Madinah nanti. Firman Allah s.w.t:

---

<sup>30</sup>*Ibid*, h. 323.

سَيَقُولُ لَكُمْ الْمُخْلَفُونَ مِنَ الْأَعْرَابِ شَغَلتُنَا أَمْوَالُنَا  
وَأَهْلُونَا فَاسْتَغْرِفُكُمْ يَقُولُونَ بِالسِّنَّتِهِمْ مَا لَيْسَ فِي  
قُلُوبِهِمْ قُلْ فَمَنْ يَمْلِكُ لَكُمْ مِنْ أَنَّ اللَّهَ شَيْئًا إِنْ أَرَادَ بِكُمْ  
ضَرًا أَوْ أَرَادَ بِكُمْ نَفْعًا بَلْ كَانَ اللَّهُ بِمَا يَعْمَلُونَ خَيْرًا ۖ ۱۱ ۚ بَلْ  
ظَنَنتُمْ أَنَّ لَنْ يَنْقَلِبَ الرَّسُولُ وَالْمُؤْمِنُونَ إِلَىٰ أَهْلِهِمْ  
أَبَدًا وَزَرِّنَتُمْ ذَلِكَ فِي قُلُوبِكُمْ وَظَنَنتُمْ ظَنَّ السَّوْءِ  
وَكَنْتُمْ قَوْمًا بُورًا ۖ ۱۲ ۚ

Orang Badwi yang tertinggal (tidak ikut serta ke Hudaiyah) akan mengatakan: "Harta dan keluarga kami telah menghalang kami, maka mohonkanlah ampunan buat kami" mereka mengucapnya dengan lidahnya apa yang tidak ada dalam hatinya. Katakanlah: "Maka siapakah orang yang mampu menghalang kehendak Allah jika Dia menghendaki kemudaran bagimu atau jika Dia menghendaki manfaat bagimu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan. Bahkan kamu menyangka bahawa Rasul dan orang-orang mukmin tidak sekali-kali akan kembali kepada keluarga mereka selama-lamanya dan syaitan telah menjadikan kamu memandang baik dalam hatimu persangkaan itu dan kamu telah menyangka dengan sangkaan yang buruk dan kamu menjadi kaum yang binasa."

al-Fath: (48):11-12

